



# KEM BUMI

## 5.0

Mohd Sukhairi Mat Rasat & Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid

Pada 1 hingga 3 Jun 2023 telah dianjurkan satu program program Kem Bumi 5.0 (2023) bagi mahasiswa/i Tahun 1 di bawah Jabatan Sumber Asli dan Kelestarian (JSAK), Fakulti Sains Bumi (FSB) bertempat di Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang, Kelantan. Program ini telah disertai oleh seramai 185 pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) daripada program Sains Kelestarian serta Sains Sumber Asli dan dibantu oleh 20 mahasiswa/i kanan Tahun 3 sebagai fasilitator, manakala 10 staf sebagai pembimbing.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada mahasiswa/i tahun 1 JSAK tentang aktiviti yang melibatkan sumber alam, persekitaran dan sahsiah diri. Ia turut menyediakan mahasiswa/i dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mampu membentuk perkembangan minda, minat, bakat, jasmani dan rohani serta nilai estetik yang lain. Program ini juga dilihat sebagai satu alternatif kepada mahasiswa/i FSB amnya dan JSAK khususnya dalam melahirkan mahasiswa/i yang holistik. Penganjuran program ini mampu memberi pendedahan dan menyemai minat mahasiswa/i berkenaan kelestarian flora, fauna, alam sekitar serta elemen berkait yang boleh diterapkan dalam pembelajaran kuliah.

Ia bertepatan dengan saranan United Nations: Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: Quality Education (\*Modul 1 - 4), SDG14: Life below Water (\*Modul 6), SDG15: Life on Land (\*Modul 7) dan SDG17: Partnership for the Goals (\*Modul 5). J



Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah bersetuju untuk berkongsi kepakaran dalam melaksanakan modul ini melalui perkongsian kakitangan JPNK iaitu dikalangan renjer serta pengawas hutan, disamping sejajar dengan slogan FSB Discover yang telah dilancarkan oleh YBhg Dato Naib Canselor pada 31 Januari 2023 yang lalu, program ini adalah bertepatan dengan satu (1) daripada tujuh (7) tema FSB Discover iaitu FSB Discover 4: FSB Xplore (untuk memupuk semangat dan kemahiran tanpa batas dalam menghayati keindahan bumi).

Diharapkan program ini dapat mempersiapkan mahasiswa/i dengan persediaan mental, fizikal dan emosi bagi menghadapi pelbagai situasi disepanjang menjalani kehidupan bergelar mahasiswa/i bagi penyesuaian diri di kampus, luar kampus serta alam pekerjaan kelak.